

10 JAN 2000

Ali-Tanding

SEMUA LIMA BAHAGIAN UMNO MELAKA SOKONG TIADA PERTANDINGAN

MELAKA, 10 Jan (Bernama) -- Semua lima bahagian Umno di Melaka akan mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai calon presiden dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, pencalonan sedemikian adalah sejajar dengan pendirian Umno negeri yang menyokong penuh nasihat Majlis Tertinggi supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

"Badan Perhubungan Umno Melaka telah bermesyuarat pada 5 Jan mengenai saranan MT dan membuat keputusan menyokong penuh cadangan kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan," katanya hari ini.

Mohd Ali yang juga pengerusi badan perhubungan Umno negeri berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Amid Nordin di Bachang di sini.

MT dalam mesyuaratnya pada 3 Jan lepas memutuskan supaya Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikekalkan pada jawatannya manakala Abdullah dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden. MT juga meminta agar kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Beliau berkata, para pemimpin Umno negeri berpendapat bahawa perpaduan dan kekuatan parti perlu diberi perhatian di sebalik menghadapi pertandingan bagi dua jawatan tertinggi itu.

"Banyak kerja perlu dilakukan kerana jika ada pertandingan, tentu berpecah seperti berlaku pada masa lepas dan ia (perpecahan) akan mengambil masa panjang untuk pulihkan," katanya.

"Kita sokong tiada pertandingan kerana kita tidak mahu perpecahan dan semua lima bahagian termasuk akar umbi di Melaka menyokong nasihat MT itu," katanya.

"Kita masih perlukan kepimpinan Dr Mahathir untuk hadapi cabaran abad ke-21...kita lihat hanya beliau satu-satunya pemimpin yang mampu hadapi cabaran ini," katanya.

Menurut Mohd Ali lagi, Datuk Seri Abdullah juga akan dapat membantu Dr Mahathir dalam menghadapi cabaran yang mendatang kerana jelas sejak beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, prestasi beliau adalah baik.

Sementara itu, Amid yang juga Ketua Bahagian Umno Kota Melaka berkata bahagiannya menyokong penuh nasihat MT itu kerana berpendapat memang pertandingan itu tidak diperlukan kerana kedua-dua pemimpin telah diterima oleh akar umbi.

Pandangan yang sama disuarakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin yang juga ketua bahagian Umno Jasin.

Mesyuarat badan perhubungan Umno negeri juga telah memutuskan supaya hanya Mohd Ali dicalonkan oleh semua lima bahagian di Melaka bagi mempertahankan jawatan MT, kata Abu Zahar.

Pada pemilihan lepas, Umno Melaka mencalonkan dua pemimpinnya bagi merebut jawatan MT dan Mohd Ali bersama bekas Ketua Menteri, allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani telah terpilih.

-- BERNAMA

MOZ PR